

21/06/1997

80 rakyat Palestin kunjungi negara Ogos

LAPAN puluh rakyat Palestin dari Lebanon akan mengunjungi Malaysia selama sebulan mulai 5 Ogos ini, untuk mengumpul derma.

Sejumlah besar rombongan kali ini membabitkan remaja berusia tujuh hingga 19 tahun dan kebanyakan mereka ditaja oleh orang perseorangan dari negara ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail, berkata lawatan itu yang turut direstui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diharap dapat memungut derma sekurang-kurangnya RM800,000.

"Kita akan membuat pertunjukan amal sempena kehadiran mereka di sini dan saya juga berharap orang ramai dapat membuat sumbangan bukan sahaja dari segi wang ringgit, bahkan jika boleh pakaian, kasut dan kelengkapan lain kerana mereka memang serba kekurangan," katanya dalam sidang akhbar mengenai jamuan makan malam dan konsert amal untuk kanak-kanak kurang bernasib baik itu.

Lawatan rombongan ini diatur dengan kerjasama Institut Penyelidikan Sosiologi Malaysia (MSRI) dan Beit-Atfal As-Samoud, badan pertubuhan kebajikan di Lebanon. Dua orang yang bertanggungjawab melaksanakan tugas ini ialah Pengarah MSRI, Dr Alijah Gordon dan Pengarah Beit-Atfal As-Samoud, Dr Kassem Aina.

Ini adalah kali kedua Malaysia menerima kunjungan pelarian Palestin, selepas lawatan 30 kanak-kanak negara itu pada 1990.

Antara aturcara yang disusun untuk rombongan ini ialah jamuan makan malam dan konsert amal yang akan diadakan pada 8 Ogos, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Orang ramai dan syarikat korporat boleh menempah meja pada harga RM10,000, RM20,000 dan RM30,000.

Rombongan ini akan turut membuat lawatan ke Sabah, Selangor, Kedah dan Perak. Orang ramai turut berpeluang untuk berkenalan dengan rombongan ini apabila satu pertunjukan khas diadakan di Dataran Merdeka pada 1 September.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang sumbangan boleh menghubungi Dr Alijah di Badan Penyelidikan Sosiologi Malaysia, dengan menelefon 2430032, atau faks: 2433382.

(END)